

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM TERUS TEKAD TAMBAH BAIK AKSES DAN FASILITI  
PENDIDIKAN BAGI MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN GURU,  
MURID DAN SELURUH WARGA SEKOLAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) cakna mengenai video tular seorang guru besar di Sekolah Kebangsaan (SK) Ulu Ansuang, Telupid, Sabah yang tidak mempunyai kediaman dan terpaksa tinggal di sekolah. KPM memandang serius perkara ini kerana ia melibatkan kesejahteraan guru, murid dan seluruh warga sekolah.

KPM telah mengambil tindakan untuk menambah baik akses dan fasiliti pendidikan di sekolah tersebut. Kerja-kerja pembinaan melibatkan pembinaan blok akademik dan pentadbiran serta kemudahan lain termasuk pembelian perabot sedang rancak berjalan. SK Ulu Ansuang juga telah diluluskan pembinaan 4 unit kuarters baharu semasa pembentangan Belanjawan 2024 yang lalu.

Kesemua projek penambahbaikan akses dan fasiliti pendidikan di SK Ulu Ansuang melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM12.5 juta. Bagi penyelesaian jangka pendek kediaman guru di sekolah tersebut pula, KPM telah siap melaksanakan projek selenggara kuarters dengan peruntukan RM200,000.

KPM terus tekad untuk menambah baik akses dan fasiliti di semua sekolah di seluruh negara yang memerlukan perhatian bagi memastikan kesejahteraan, keselamatan dan kebajikan guru, murid serta seluruh warga sekolah terpelihara.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
19 NOVEMBER 2023**